# Larangan Solat Ketika Haid Satu Penindasan – Imam Wanita

By Wartawan Menara – June 18, 2017



Tiergarten, Berlin: Masjid Ibn Rushd-Goethe merupakan rumah ibadah Islam liberal terbaru di Berlin. Menurut pemimpin kepada 7 pengasas masjid itu, Seyran Ates, masjid ini mengundang semua orang termasuk shiah, sunni, alawi, sufi termasuk golongan LGBT.



Kredit gambar, EPA
Tidak perlu menutup aurat dan wanita boleh duduk bersebelahan jemaah lelaki. Masjid ini adalah buah fikiran imam wanita kelahiran Turki, Seyran Ates.

Selain daripada menjadi masjid liberal yang pertama, masjid ini juga telah mengharamkam pemakaian purdah di dalam masjid. Menurut Seyran Ates, “Ini adalah atas sebab keselamatan dan juga kami percaya bahawa purdah bukan sebahagian dari agama, akan tetapi merupakan penyataan politik.”

Seyran Ates mendakwa beliau mengelakkan diri dari masjid selama ini kerana perasaan diskriminasi di mana beliau tidak dapat solat bersama-sama jemaah lelaki serta perlu menunaikan solat di tempat buruk yang dikhaskan untuk wanita.

“Saya rasa didiskriminasi di dalam masjid-masjid di Berlin dan seluruh Jerman kerana tiada solat bersebelahan (lelaki dan wanita), kerana perempuan terpaksa pergi ke bilik yang buruk,” kata Seyran Ates.

Masjid yang dibina di tingkat tiga Gereja St. John di Berlin telah memulakan operasi pada Jumaat 16 Jun ini lengkap dengan

perlindungan keselamatan daripada pihak polis, membolehkan wanita menjadi imam dan solat bersebelahan dengan lelaki.




Gereja St. John, Berlin yang menempatkan Masjid Ibn Rushd-Goethe. Kredit Gambar, dw.com

Solat Jumaat yang telah diadakan pada julung kalinya dimulakan dengan laungan azan oleh bilal Zuriani binti Tan Sri Abdul Khalid Awang Osman yang juga merupakan kadi untuk nikah pasangan sejenis dan perkahwinan campuran agama. Beliau yang juga merupakan Presiden Muslim For Progressive Values (MPV-USA), turut mempunyai cabang NGO tersebut di Malaysia yang dibentuk atas nama Komuniti Muslim Universal (KMU).

Solat Jumaat ini telah menyaksikan dua orang imam, seorang lelaki Abdel-Hakim Ourghi dan seorang imam wanita bernama Elham Manea. Para jemaah juga tidak dipisahkan antara lelaki dan perempuan malahan jemaah perempuan yang duduk bersama lelaki tidak menutup aurat sama sekali.



Dua orang sedang mengimamkan solat pada masa yang sama. Kredit gambar, EPA

Elham Manea yang merupakan seorang feminis mendakwa bahawa larangan solat untuk perempuan ketika haid itu adalah simbol ketidaksempurnaan perempuan berbanding lelaki.

“Perempuan disuruh untuk solat berasingan dengan lelaki dan menutup rambut ketika solat…dan untuk berhenti solat sewaktu datang darah haid… Kesemua larangan ini diletakkan ke atas perempuan kerana ianya cerminan kepercayaan sosial bahawa perempuan tidak lengkap dan tidak sesempurna lelaki dan tanpa syak lagi tidak berada pada tahap yang sama seperti lelaki,” tegas Elham Manea.

Kewujudan masjid ini ditentang hebat oleh pertubuhan-pertubuhan Islam di serata Jerman.

---

# PERANGKAP WANG KERTAS, HUTANG DAN RIBA' DALAM KEJATUHAN MESIR & OTHMANIYAH

PERANGKAP WANG KERTAS, HUTANG DAN RIBA' DALAM KEJATUHAN MESIR & OTHMANIYAH

Artikel ringkas kiriman pembaca mengenai isu di atas ini kami persetujui melalui pengkajian tentang punca kejatuhan sebuah negara dan kesejahteraan umat manusia.

Animasi dalam video ini kami rasa mudah untuk memahamkan kita tentang konspirasi Dajjal melalui agennya Rothschild (Freemason) dalam usaha merosakkan sistem matawang dan jual beli Islam yang halal lagi adil.

Perhatikan juga bagaimana sistem matawang kertas dan riba' yang telah diwujudkan ini menjerat masyarakat dunia dalam usaha menawan negara-negara mereka.

Kerajaan Islam Khilafah Othmaniah selaku kuasa besar Islam terakhir adalah antara sasaran utama Dajjal.

Begitu juga Mesir yang terkenal dengan Fatwa Al-Azharnya, yang dirujuk hampir satu billion umat Islam sedunia menjadi pegangan pemikir politik yang pro-Islam atau Islam Sekular. Dajjal tahu akan hal ini dan agennya (Rothschild) sentiasa berusaha dengan konspirasinya bertujuan menjajah seluruh umat Islam.

Ketika 99 peratus bank di seluruh Eropah dikuasai oleh ahli-ahli keluarga Rothschild, Khalifah Islam dari kerajaan Turki Othmaniyah membuat kesilapan besar dengan melakukan pinjaman wang dari bank-bank Eropah.

Pinjaman dibuat Turki atas alasan pembangunan negara dan menampung kos ketenteraan. Tidak kurang juga besarnya

sumbangan pengaruh wanita yang telah turut menjerat pemimpin Turki sehingga terpaksa berhutang.

Kejatuhan Mesir pula berlaku pada era 1860-an, ketika ia di bawah pemerintahan Ismail Pasha yang sangat inginkan negaranya maju seperti negara-negara Eropah lain. Keinginan beliau yang juga berpendidikan Eropah ini diambil kesempatan oleh Rothschild melalui agen-agennya di Mesir.

Projek pembinaan Terusan Suez oleh Dinasti Ali Pasha yang dijalankan oleh jurutera Perancis, Ferdinand de Lesseps menjadi punca kesulitan. Kos projek ini telah meningkat berjuta-juga Pound setiap tahun akibat peperangan yang sengaja ditaja oleh Dajjal.

Akhirnya kerajaan Mesir terpaksa berulang-ulang menambah hutangnya hampir setiap tahun bermula pada 1862, 1864, 1866, 1867, 1868, dan 1870. Pada 11 Jun 1873, kerajaan Mesir telah membuat pinjaman paling besar sepanjang pemerintahannya iaitu 32 juta pound dengan kadar bunga tahunan yang paling tinggi, iaitu 20 peratus setahun.

“Orang-orang yang makan riba’ tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kerasukan syaitan lantaran penyakit gila..” (QS:2/275)

Agen Rothchild di Mesir, Herman Oppenheim adalah antara yang membantu mendapatkan pinjaman kewangan daripada Bank Eropah. Daripada sekadar untuk biaya pembinaan Terusan Suez sampailah kepada pinjaman peribadi.

Semua pinjaman itu sengaja diLULUSKAN dengan mudah. Jumlah tunai yang diserahkan pula tidak penuh kerana telah ditolak bunga awal-awal lagi. Awalnya hanya hasil mahsul negara dari tiga kawasan dagangan di Mesir dijadikan cagaran. Apabila pendapatan negara tidak mencukupi untuk membayar hutang, maka terpaksa dicagar juga tanah-tanah bernilai tinggi.

Atas perancangan Rothschild, Mesir bankrup hanya 2 tahun dari

pinjaman terakhir, iaitu setelah kerajaan British berjaya menguasai saham harta terbesar Mesir iaitu Terusan Suez. Ismail sendiri telah ditemui mati lemas secara misteri di Sungai Nil dan dipercayai angkara orang-orang Rothschild.

Atas perancangan Rothschild juga, pada tahun yang sama iaitu pada Oktober 1875, kerajaan khalifah Otmaniyah di Turki telah diisytiharkan bankrap kerana gagal membayar hutang bank Rothschild. (Nantikan kronologi lengkap pada tajuk khusus kejatuhan Mesir & Othmaniyah angkara hutang/riba').

Kedua-dua kisah ini telah menyebabkan rakyat melarat cukup lama kerana terpaksa dibebani cukai yang naik melambung-lambung untuk membayar hutang negara.

WANG KERTAS DAN PENUBUHAN "FEDERAL RESERVE DEPARTMENT" (FRD)

Selepas runtuhnya Kerajaan Khalifah Uthmaniah di Turki Pada tahun 1924, Yahudi telah menukar Sistem Kewangan Dunia menggunakan Wang Kertas. Mulanya, wang kertas itu bersandarkan emas. Akhirnya Yahudi mansuhkan sistem kewangan berasaskan emas dan perak itu dari muka bumi ini buat selama-lamanya.

Lantaran itu, sejarah wang kertas diwarnai pelbagai misteri, tipu muslihat dan pembelitan yang dahsyat.

Mesyuarat misteri di Pulau Jekyll membawa kepada penubuhan 'The Federal Reserve Department (FRD)' pada tahun 1913. Keahliannya adalah milik syarikat persendirian. Kongress Amerika terpaksa meluluskannya secara paksa dan curi-curi.

Jabatan Ini kemudiannya mentadbir segala urusan kewangan Negara Amerika Syarikat, termasuklah mencetak wang kertas Dollar Amerika. Mereka menentukan dasar perjalanan sesebuah bank. Kini FRD digunakan oleh industri perbankan di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Berikutan penubuhan FRD, banyak peristiwa besar berlaku sehingga membolehkan British menguasai Bandar Jerusalem pada

tahun 1919. Dunia telah berubah dengan mendadak. Kemuncaknya ialah kejatuhan Kerajaan Khalifah Uthmaniah di Turki.

Peristiwa demi peristiwa terus mengejutkan dunia. Antaranya Perang Dunia Pertama dan krisis ekonomi dunia besar-besaran pada tahun 1929. Pada 1944, muncul pula perjanjian 'Bretton Woods' yang melibatkan 44 buah Negara dunia yang bersetuju untuk menyandarkan mata wang kertas masing-masing kepada Dolar Amerika dengan jaminan US35 = 1 auns EMAS.

Negara-Negara dunia tidak lagi menyandarkan mata wang kertas kepada rizab emas masing-masing seperti sebelum ini. Setahun selepas itu, Dolar Amerika mendapat 'daulat'nya, dan 'International Monetory Fund' (IMF) pun ditubuhkan.

Pada tahun 1948, Negara haram Israel mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara berdaulat di tengah-tengah benua Arab dan di dalam negara Palestin yang sah.

Pada tahun 1971, Amerika Syarikat pimpinan Richard Nixon yang hampir bankrup oleh perang Vietnam bertindak memutuskan ikatan antara dolar Amerika dan emas. Sejak itu dolar tidak lagi bersandarkan kepada emas. Nilai dolar hanya ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran pasaran tukaran wang asing.

Kesannya, semua matawang dunia telah berubah menjadi matawang FIAT, iaitu matawang yang bernilai SIFAR. Bayangkan betapa liciknya percaturan ini.

KESIMPULAN

Dunia mulai sedar mengenai rahsia wang kertas yang tiada nilai itu. Nilai yang dicetak di atas wang kertas kini hanya ditentukan oleh kerajaan yang mengeluarkannya. Ini bermakna nilainya tergantung kepada permintaan dan manipulasi pihak yang mengeluarkannya.

Wang kertas hanyalah 'janji untuk membayar'. Sebagai contoh, pada wang kertas Ringgit Malaysia yang kita gunakan sekarang,

tercetak ayat, “Wang Kertas Ini Sah Diperlakukan Dengan Nilai..” Dalam erti kata lain, wang kertas hanya ‘sekeping kertas’ yang tidak bernilai apa-apa.

– Masih ingat lagikah bilamana ‘duit jepun’ menjadi tidak laku walau pun jumlahnya berguni di dalam simpanan kita dahulu? Apakah tidak mustahil keadaan semacam itu akan berlaku lagi?

– Apakah kita masih mahu menafikan bahawa nilai wang kertas semakin susut saban tahun? Sedarlah bahawa nilai RM 1 pada hari ini tentu tidak akan sama nilainya pada 5 tahun akan datang…

SABDA RASULULLAH S.A.W:

“Akan datang satu zaman di mana tiada apa yang tinggal dan boleh digunakan oleh umat manusia, maka simpanlah Dinar (emas) dan Dirham (perak).” (Musnad Imam Ahmad ibn Hanbal).

“Allah s.w.t telah melaknatkan orang yang makan riba’, orang yang berwakil padanya, dan jurutulisnya, dan saksi-saksinya, dan mereka berkata mereka itu sama sahaja. “ (HR Muslim)

FIRMAN ALLAH S.W.T :

QS: 2 Al Baqarah 275: “Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba’… Dan sesiapa yang mengulanginya maka mereka itulah ahli neraka, mereka KEKAL di dalamnya…” (Sila baca sendiri seluruh ayat)

QS: 3 Ali Imran 130: “Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan riba’ yang berganda-ganda dan takutlah kamu kepada Allah s.w.t, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.”

QS: 40. Al Mu’min 21. “Dan apakah mereka tidak mengadakan perjalanan di muka bumi, lalu memperhatikan betapa kesudahan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka itu adalah lebih hebat kekuatannya daripada mereka dan bekas-bekas mereka di muka bumi, maka Allah mengazab mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Dan mereka tidak mempunyai seorang pelindung dari azab Allah.”

Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pelajaran bagi orang yang berakal dan mahu mengambil pelajaran.

Bedah sejarah,
WARGA PRIHATIN

P/S: Ulasan artikel dari Neil Armsteen

---

# Kubur Besar Rohingya : Akhbar Thailand Keluar Kartun Persenda Malaysia & Najib

May 28, 2015 by ommedia
Kuala Lumpur : Sebuah akhbar dari Thailand, The Nation, semalam telah mencetak satu kartun yang mempersendakan Malaysia berikutan kes penemuan kubur beramai-ramai di Wang Kelian, Perlis.
Kartun itu memaparkan karakter seorang polis sedang menggali kubur dan juga satu karakter yang menyerupai Perdana Menteri Malaysia, berdialog mengenai akta hasutan.

Selain dari itu, kartun itu juga turut memaparkan motto melawat Malaysia, iaitu “Malaysia Truly Asia” tetapi diubah kepada “Malaysia Truly Embarassed”.

Seorang jurnalis dari Kuala Lumpur telah memuat naik gambar keratan kartun tersebut di Facebook beliau.

# Jakarta cadang 'benarkan' kegiatan pelacuran

**PUBLISHED: May 28, 2015 12:46pm**




**INDONESIA CADANG 'LEGAL'KAN INDUSTRI PALACURAN**

Dalam satu artikel berkaitan gejala sosial sebelum ini pernah kami kongsikan tahap kemaksiatan di negara jiran kita. Pemerhatian yang diceritakan Pengetua kami yang sering berkelana malah ada beberapa cawangan perniagaannya di seluruh Indonesia memang sukar diterima.

Dari 1995-2000, beliau menjelajah seluruh Indonesia untuk mengurus produk dan cawangan-cawangannya. Dari Batam, Tanjung Pinang, Dumai, Medan, Bukit Tinggi, jakarta, Pulau Gadong, Tanjung Periuk, Indramayu, Jepara, Ciribon, Bandung, Garut, Tasik Malaya, Jogjakarta, Surabaya, Malang sampailah ke Bali.

Menyentuh isu zina dan maksiat, beliau kongsikan suasana di

mana arak dijual dan diminum secara terbuka di merata-rata. Toleransi terhadap zina dan maksiat terlalu tinggi. Setiap pelancung boleh mendapatkan khidmat seks dan urut dengan amat mudah. Dari abang beca, pemandu teksi sampai preman di jalan semua tahu dan ‘sudi membantu’.

Amat menyedihkan apabila beliau ceritakan betapa ahli ibadat yang kuat solat juga tidak berupaya menghalang maksiat yang berlaku siang malam di depan mata.

Di perkampungan ilmu, di mana ramai tahfiz dan guru agama, warung pelacuran, panti pijat dan pusat hiburan kecil-kecilan bersepah di kiri kanan jalan. Kita harus lalu di celah-celah ‘warung maksiat’ itu untuk ke masjid. Ada pelacur yang ‘sengaja’ berbogel mandi di telaga yang boleh dilihat orang luar dengan mudah.

Paling sadis ialah melihat sebuah taman pelacuran ‘pandu masuk’ di Surabaya. Tarian bogel juga banyak didapati di gedung hiburan yang besar-besar. Pelajar universiti dan janda muda banyak menjual tubuh secara terbuka di situ. Yang peliknya kebanyakan pelanggannya pula adalah usahawan tempatan dan pegawai tinggi negara.

Satu lagi yang diceritakan ialah warung pelacuran terbuka Di Tanjung Periuk. Kebanyakan pelacur di sini terdiri dari gadis belasan tahun.

Ada banyak lagi yang bermain di benak fikiran beliau. Barangan kulit babi pun boleh dikatakan kulit kerbau. Penipuan, kecurian dan rompakan terlalu biasa terjadi di depan mata tanpa mengira latar belakang pelaku dan mangsa.

Konsert lucah pun ada di kenduri kahwin. Beberapa penyanyi dan penari dangdut seksi dibayar untuk menghiburkan ribuan tetamu dengan pakaian separuh bogel. Pelik juga melihat pak haji dan hajjah yang bertudung lingkup dalam majlis itu turut ‘meraikannya’ tanpa segan silu. Dengan songkok di kepala, selamba sahaja memegak secekak wang dan menyelitkannya di

celah coli dan seluar dalam penari secara terbuka begitu.

Amat sukar mengenal orang yang baik dan buruk. Pepatah “Yang haram saja sudah habis dijual pak…” memang biasa di dengar dan itulah hakikatnya.

Dahulu aktiviti pelacuran dilakukan secara terbuka atau berpusat untuk memudahkan pelacur mendapat pelanggan. Kini ia telah dilakukan secara haram di bilik sewa serta pangsapuri mewah kerana pelanggan atau pelacur boleh dicari melalui talian serta media sosial. Akhirnya, aktiviti gelap itu membuka ruang jenayah. Ada kes pelacur yang dibunuh pelanggan.

Wajarkah atas asbab itu maka pelacuran langsung diizinkan secara legal oleh pemerintah?

Bagi kami, sebagai negara Islam ia amat keterlaluan. Apa yang dilihat selama ini sahaja sudah sukar diterima akal dan iman kita. Biarpun akan ada yang menentang, namun apabila ada pemimpin yang mula berfikiran begitu, maka itu tanda umat ini sudah terlalu teruk akidahnya.

Semuga pembaca dari Indonesia dapat mengorak langkah agar lebih proaktif membenteras jenayah syariah ini. Dalam banyak hal, banyak perbuatan dan tidak tanduk kita sudah terlalu hina di sisi agama. Janganlah ditambah lagi kerana bencana dari murka Allah bakal menimpa semua yang ada.

WARGA PRIHATIN

* * * * *

**JAKARTA, 28 Mei 2015**

Mengawal aktiviti pelacuran dengan ‘membenarkan’ pelacuran, begitulah cadangan yang dilemparkan pemerintahan Daerah Khusus Ibukota (DKI) Jakarta.

Akhbar tempatan melaporkan, aktiviti pelacuran mungkin dibenarkan di beberapa kawasan di Jakarta, sebagai usaha mengawal kegiatan pelacuran haram yang berlaku di bilik sewa

dan pangsapuri.

Idea untuk membenarkan aktiviti pelacuran dan mewujudkan ‘pekerja industri seks’ berdaftar itu ditimbulkan Gabenor Jakarta, Basuki Tjahaja Purnama atau lebih dikenali sebagai Ahok, ekoran pelbagai kejadian tidak diingini, termasuk kes jenayah.

Selain itu, kebenaran untuk aktiviti pelacuran di tempat tertentu juga dikatakan dapat mengawal kegiatan menawarkan perkhidmatan seks di kalangan gadis bawah umur.

Akhbar tempatan memetik Sekretaris Daerah Pemerintah Provinsi DKI Jakarta, Saefullah sebagai berkata, pihaknya sedang meneliti cadangan membenarkan sebahagian bangunan di pangsapuri dijadikan kawasan pelacuran.

Katanya, ia sekadar satu cadangan untuk mendapat reaksi pelbagai pihak dan gabenor itu akan mengambil kira pandangan semua pihak sebelum melaksanakannya.

Aktiviti pelacuran di Jakarta dikatakan dilakukan secara haram di bilik sewa serta pangsapuri mewah dan pelanggan boleh mendapat maklumat dalam talian serta media sosial.

Baru-baru ini, seorang gadis berumur 26 tahun yang dipercayai menawarkan perkhidmatan seks menerusi laman sosial, ditemui mati dalam bilik sewanya, dipercayai dibunuh pelanggannya.

Pihak berkuasa juga membongkar kegiatan perkhidmatan seks remaja bawah umur, menerusi sebuah laman sesawang, selepas menyerbu sebuah pangsapuri mewah dan menyelamatkan kira-kira 10 remaja, termasuk seorang gadis yang sedang mengandung dan dijadikan pelacur untuk golongan kelas atasan.

Bagaimanapun, idea Ahok itu dibantah Wakil Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia, Ma’ruf Amin yang dipetik media sebagai berkata, cadangan membenarkan pelacuran adalah langkah salah dan menyimpang daripada ajaran syariat Islam.

"Maksiat itu harus diminimalkan, bukan dibenarkan," katanya sambil menyeru semua pendakwah menggerakkan aktiviti kesedaran mengenai kesan buruk akibat pelacuran.

Foto hiasan : prostitutionrecovery.org

---

# [Kem Kubur Besar – Mereka kena rogol, pukul sampai mati dalam kem]



- 
- Nurul Amin Nobi Hussein, 25, (kanan) menceritakan detik-detik dia melarikan diri dari kem transit di Wang Kelian, Perlis ketika ditemui Bernama di Alor Setar hari ini. — Foto Bernama

**28 Mei 2015, ALOR SETAR** – "Dalam fikiran saya hanya ada satu sahaja – mati. Saya hanya mahu mati kerana mati lebih senang daripada hidup," menurut seorang pendatang Rohingya yang berjaya melarikan diri dari kem transit di Wang Kelian.

Bercakap secara eksklusif kepada Bernama hari ini, Nurul Amin Nobi Hussein (lelaki), 25, berkata, sepanjang dua bulan penahanannya di kem transit di Wang Kelian itu, beliau hilang segala harapan untuk hidup dan hanya memikirkan tentang kematian.

"Sepanjang dua bulan di dalam kem transit itu tahun lepas, saya dikurung seperti kambing dan ayam dalam kandang dan setiap masa dikelilingi oleh kematian. Setiap hari lima hingga enam orang daripada kami menemui ajal sama ada disebabkan penyakit atau dipukul dan ditembak," katanya.

Menurutnya, pendatang Rohingya bersesak-sesak di dalam apa

yang disifatkan sebagai ‘reban’ kecil yang menempatkan sehingga 200 hingga 300 orang, dengan lelaki dan wanita diasingkan reban mereka.

Antara lima hingga enam pengawal yang berbahasa Thailand, katanya, berkawal 24 jam sehari mengawasi kira-kira 1,500 tahanan dengan bersenjatakan batang kayu, pisau, pistol dan senapang.

“Tahanan tidak dibenarkan bercakap. Sesiapa yang bercakap akan dipukul. Pengawal sering melaungkan “sleep, sleep, sleep,” mengarahkan kami semua supaya tidur dan tidak bercakap antara satu sama lain,” katanya.

Nurul Amin berkata, ‘reban’ itu dipagar oleh batang-batang kayu dan didirikan di atas tanah lembut dan apabila hujan ia akan menjadi lumpur, di mana tahanan hanya diberikan lampiran plastik untuk membolehkan mereka duduk.

“Tahanan akan berdiri dan duduk di dalam lumpur air sekiranya kem transit dilanda hujan lebat, menyebabkan ramai dalam kalangan tahanan dijangkiti penyakit sehingga membawa maut.

“Ramai dalam kalangan tahanan Rohingya mengalami bengkak kaki akibat terlalu lama duduk dalam lumpur, menyebabkan mereka tidak boleh bergerak dan makan, dan seterusnya menemui ajal,” katanya yang berasal dari Maungdaw, Myanmar.

Nurul Amin berkata, mereka hanya diberikan sedikit makanan iaitu nasi berlaukkan ikan bilis dan ubi untuk menahan kelaparan, menyebabkan ramai juga dalam kalangan mereka yang mati akibat kelaparan.

Menyifatkan apa yang berlaku di kem transit itu sebagai ‘neraka dunia’, dia berkata, terlalu banyak peristiwa ngeri dan menyedihkan yang tidak dapat dilupakannya selagi beliau hidup.

Antara peristiwa yang tidak dapat dilupakannya adalah

bagaimana pengawal-pengawal itu tanpa sebarang belas kasihan memukul sehingga mati kanak-kanak berusia 12 tahun hanya kerana keluarganya di Myanmar tidak mempunyai duit untuk membayar duit pembebasannya.

"Ada juga bayi yang baru berusia beberapa bulan mati kelaparan selepas ibunya yang sakit serta kelaparan gagal menghasilkan susu badan untuk anaknya.

Tidak lama selepas anaknya mati, wanita itu juga menemui ajal," katanya sedih.

Selain itu, kata Nurul Amin, pengawal-pengawal terbabit turut merogol beberapa wanita itu.

"Kami boleh mendengar teriakan ketika wanita-wanita itu dirogol secara beramai-ramai oleh pengawal berkenaan. Apa yang lebih malang, ada antara wanita itu yang telah mengandung hasil perbuatan itu," katanya.

Pengawal-pengawal tersebut disifatkannya lebih teruk daripada 'haiwan'. Dia mengambil keputusan nekad untuk melarikan diri kerana selepas dua bulan di kem transit itu merasakan kematian semakin menghampirinya disebabkan keadaan sekeliling serta tidak mempunyai sebarang duit untuk membayar sindiket.

Menurut Nurul Amin, anggota sindiket meminta bayaran daripadanya sebagai syarat untuk melepaskannya ke Malaysia dan jika gagal menjelaskannya, berdepan dengan penahanan lebih lama di kem transit itu dan akhirnya kematian.

"Saya tidak boleh membayar mereka kerana tiada lagi duit selepas menjual segala harta dan tanah untuk ke Malaysia. Mereka akan pukul saya sampai mati jika saya tidak membayar mereka," katanya.

Berdepan dengan kemungkinan ditahan lebih lama dan dipukul sehingga mati oleh anggota sindiket, beliau bersama-sama lima yang lain nekad melarikan diri pada jam 1 pagi selepas

mendapati pengawal kem transit itu tertidur.

Beliau terpaksa merangkak ratusan meter dalam keadaan gelap-gelita, sebelum berlari ke dalam hutan, tanpa mengetahui arah tujuan.

“Dalam apa juga keadaan sekalipun, jika saya gagal melarikan diri mereka (anggota sindiket) akan tembak mati saya atau jika terus tinggal dalam tahanan, saya akan dipukul hingga mati kerana tiada duit.

“Mati adalah lebih baik daripada hidup,” kata Nurul Amin yang membayar RM6,500 untuk menaiki bot selama 22 hari dari Maungdaw ke sempadan Myanmar dan Thailand.

Setibanya di bandar sempadan itu, menurut Nurul Amin, pendatang Rohingya itu akan dibawa menaiki trak-trak pikap menuju ke selatan Thailand dalam perjalanan yang mengambil masa antara 10 hingga 11 jam.

Sementara itu seorang lagi pendatang Rohingya, Mohamad Osman Nurul Amin, 22, pula menceritakan pengalamannya ditahan di sebuah lagi kem transit di kawasan hutan di Padang Besar, Thailand, tahun lepas.

“Ia adalah neraka. Setiap hari soal kematian sentiasa bermain dalam kepala saya. Pada ketika itu, kematian adalah jalan terbaik untuk menamatkan segala penderitaan,” katanya.

Sama seperti Nurul Amin, beliau turut menjadi saksi pembunuhan dan kematian dalam kalangan tahanan Rohingya di tangan pengawal-pengawal kem yang kejam dengan memukul atau menembak mati menggunakan senjata api.

Bagaimanapun nasibnya lebih baik berbanding Nurul Amin kerana keluarganya berkemampuan untuk membayar sejumlah duit kepada sindiket yang bertindak membebaskannya selepas hanya sebulan ditahan di kem transit itu.

“Sehingga kini, saya masih tidak dapat menerima kenyataan

bagaimana seorang manusia boleh berlaku begitu kejam kepada manusia yang lain," kata Mohamad Osman. – Bernama

---

05/07/2015 by Ana Ghoib in Berita Dunia

# Misteri Kubur Mangsa Perdagangan Dibongkar Dengan Data Telefon Teknologi Tinggi



Pasukan penyelamat Thailand membawa keluar mayat mangsa pemerdagangan yang ditanam dalam kubur besar.

Thailand: Kubur besar yang menempatkan pelarian masyarakat Rohingya yang ditemui di Songkhla baru-baru ini terbongkar menerusi satu kerjasama yang belum pernah dilakukan sebelum ini dengn menggunakan teknologi tinggi secara efektif, kata

sebuah badan anti pemerdagangan orang.

Kumpulan antarabangsa itu, Yayasan Freeland berkata, kerjasama rapat antara polis dan badan bukan kerajaan (NGO) menerusi penggunakan teknologi telefon forensik membolehkan para penyiasat mengesan dan menangkap anggota sindiket pemerdagangan orang yang dikatakan bertanggungjawab terhadap penculikan dan pengebumian itu.

Januari lalu, yayasan tersebut membantu polis Thailand secara teknikal dengan cara menganalisis telefon-telefon yang dirampas daripada suspek.

“Apa yang menarik mengenai kes ini ialah ia bermula dengan polis tempatan dan bukannya polis persekutuan.

“Dan semua kes ini ditangani dengan segera untuk bantuan teknikal dan kerjasama yang membawa kepada progres yang lebih cepat,” kata pengarah Freeland, Steven Galster dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, penemuan kubur besar ini menunjukkan prestasi Thailand dari segi memperjuangkan sindiket transaksi walaupun ia sebelum ini menafikan masyarakat Rohingya dipemerdagangkan ke dalam negara.

Freeland membantu polis dalam menganalisis jumlah nombor daripada telefon bimbit milik suspek.

Dengan menggunakan data telefon, polis boleh menjana “i-2 telephone link chart” yang memboleh penyiasat untuk mengecilkan siasatan mereka.

Data itu akhirnya merakamkan warga Myanmar, Soe Naing Anwar secara dekat (zoom in) dan kaitan dengan pihaknya di Thailand.

Pada Selasa, polis mengumumkan penahanan Anwar dan dua lagi ahli politik di Thailand, bahagian selatan.

Kumpulan penyiasat sebelum ini difahamkan bahawa modus

operandi suspek termasuk menghantar bot bersaiz besar ke Myanmar setiap bulan.

Ini dapat membantu membawa antara 300 dan 400 Rohingya di Rakhine pergi ke beberapa negara lain dengan jaminan kerja di Thailand.

Sebaik sahaja bot itu penuh, ia akan menuju ke pelabuhan Ranong di Thailand, di mana trak yang dikendalikan oleh suspek akan menampung Rohingya dan membawa mereka ke Songkhla.

Bagaimanapun Anwar telah ditangkap polis dan ia telah membawa kepada penemuan kem tersebut yang hanya terletak kira-kira 300 meter dari sempadan Thailand dengan Malaysia serta terdapat kira-kira 30 lubang kubur kaum Rohingya yang dipercayai telah dibunuh. – mStar

Artikel Berkaitan

- Kem, kubur bawah kuasa agensi keselamatan negara
- Kubur besar: Siasat kakitangan Jabatan Perhutanan
- Kubur besar: Dua lagi mayat dikeluarkan
- Kubur besar: 12 anggota polis ditahan
- Bot bawa Pati Bangladesh, Rohingya belum temui
- Mayat berkapan ditemui di hutan Wang Kelian
- TLDM: Tiada kapal Turki di perairan negara
- Rangka pertama dikeluarkan dari hutan Wang Kelian
- 129 kubur, 28 kem ditemui di sempadan Malaysia
- Forensik PDRM mula gali kubur di Padang Besar

- Mereka kena rogol, pukul sampai mati dalam kem
- FGV sumbang RM120,000 bantu pelarian Rohingya
- Dua kem PLKN digunakan penempatan Rohingya
- Usul isu kem pemerdagangan manusia petang ini
- Gesa kerajaan sekat kemasukan Pati ke negara ini
- Bantu Pati bukan bermakna Malaysia terima mereka
- Amerika, Jepun tawar bantu isu Rohingya
- Kerajaan patut tubuh pasukan pengaman

- Pulau Pinang diminta ikhlas bantu pelarian
- Nilai semula dasar tak campur isu Rohingya

- Sembilan lagi mayat dikeluarkan dari kubur besar
- Jangan tuding jari isu kubur besar
- Kubur dan kem yang ditemui masih baharu
- Kem di Wang Kelian milik ejen besar “Yassin”

---

# Bantu Rohingya, Kapal Perang Turki ke Perairan Asia Tenggara

Posted by: Habib El-Radhi 21 May 2015




12. Setelah penyampaian pesan terakhir, Kartosoewirjo berfoto bersama keluarga. Berdiri (kiri-kanan): Tahmid Basuki Rahmat, Dodo Mohammad Darda. Duduk (kiri-kanan): Kartosoewirjo, Dewi Siti Kalsum,Kartika, Komalasari, Danti.

**LINTAS NASIONAL –** TURKI, Pemerintah Turki ikut serta berperan menyelamatkan Muslim Rohingya yang terdampar di perairan Asia. Sebuah kapal militer Turki sudah menjalankan tugasnya di perairan Asia Tenggara mencari pengungsi yang melarikan diri dari Myanmar.

“Pemerintah telah menginstruksikan kapal militer Turki di wilayah tersebut dan bergabung dengan upaya internasional membantu para pengungsi Rohingya,” kata Perdana Menteri Turki Ahmet Davutoglu Rabu, 20 Mei 2015.

Ratusan pengungsi Rohingya dilaporkan berlayar ke perairan teritorial Thailand di Laut Andaman sejak awal bulan ini. Selain itu banyak pula yang menuju Malaysia dan Indonesia untuk mencari tempat tinggal setelah konflik di negaranya.

PBB memperkirakan ribuan pengungsi masih berada di laut lepas. Mereka juga ditipu dan ditinggalkan penyelundup manusia yang awalnya memfasilitasi mereka melarikan diri dari negaranya.

Menurut data yang dirilis Komisi Tinggi PBB untuk pengungsi, lebih dari 25 ribu etnis Rohingya melarikan diri dari Myanmar dalam tiga bulan terakhir. (Rol)

# Emine Erdogan Tak Kuasa Menahan Tangis di Myanmar

Sabtu, 11 Agustus 2012 – 10:44 WIB
“Assalamu’alaikum..,” kata warga Rohingya menyambut kedatangan rombongan Turki.

## Terkait

- PAHAM Nilai Myanmar Lakukan Praktik Serupa Genoside
- Turki Kirim Angkatan Lautnya Bantu Cari Pengungsi Muslim Rohingya
- 500 Warga Muslim Rohingya dari Myanmar Terdampar di Sumatera
- Myanmar Sewot Pejabat PBB Karena Gunakan Istilah 'Rohingya'

**Hidayatullah.com**–Menteri Luar Negeri Turki Ahmet Davutoglu dan istri perdana menteri Turki Emine Erdogan hari Jumat (10/8/2012) mengunjungi Muslim Rohingya di kamp pengungsian Banduba di negara bagian Arakan (Rakhine), Myanmar.

Selain PBB, bantuan yang diserahkan Turki itu merupakan bantuan dari negara asing pertama yang sampai kepada pengungsi Rohingya, lansir *Today's Zaman*.

Dalam kunjungan itu, Davutoglu dan Emine Erdogan mendapatkan penjelasan dari Bulan Sabit Merah Turki (TRC) tentang kondisi kamp pengungsi tersebut.

Menurut TRC, di tempat itu terdapat 8.532 orang pengungsi dan saat ini membutuhkan 801 tenda.

Saat ditanya Davutoglu tentang masalah terbesar yang dihadapi pengungsi, TRC mengatakan bahwa penghuni kamp tersebut kesulitan mendapatkan akomodasi yang layak dan menderita kekurangan gizi.

**Istri PM Erdogan menangis**

Dalam rekaman video yang diunggah ke YouTube, tampak Emine Erdogan tidak kuasa menahan tangis ketika Davutoglu berdialog dengan salah seorang pengungsi dengan bantuan penterjemah.

Davutoglu menanyakan apa yang dibutuhkan oleh pengungsi. Dijawab oleh seorang pria Rohingya, "Kami membutuhkan

bantuan."

"Kami ingin mendapatkan bantuan Anda," katanya menegaskan sambil menangis.

Pada saat yang sama, Emine Erdogan yang duduk di kursi sebelah kiri Davutoglu terlihat berlinangan air mata. Ia terus mengusap mata dan hidungnya dengan selembar tissue putih.

"Kami mengucapkan terima kasih dan kami sangat bahagia melihat Anda berkunjung ke sini," kata pria itu, setelah mendengar jawaban Davutoglu bahwa mereka bersama-sama akan membantu pengungsi.

Davutoglu dan pria Rohingya itu kemudian berpelukan. Terdengar kata "Allah…" saat pria itu memeluk erat Davutoglu sambil menangis.

Emine Erdogan kembali tidak bisa menyembunyikan kesedihannya. Sembari sedikit menolehkan wajah, istri PM Turki Recep Tayyip Erdogan itu, meletakkan telapak tangan kanannya di depan mulut untuk menahan tangis.

Di jalanan, Muslim Rohingya tampak berbaris menyambut iring-iringan kendaraan rombongan dari Turki itu. Mulai dari anak-anak kecil sampai orang tua, pria dan wanita, melambai-lambaikan tangan memberi penghormatan.

"Assalamu'alaikum..," kata mereka bergantian seraya tersenyum sambil berbaris di tepi jalan. Mereka seperti tidak peduli meskipun harus berbasah-basahan karena hujan.

Ketika Davutoglu menyerahkan bantuan, pengungsi wanita mendekati Emine Erdogan. Mereka pun berpelukan erat sambil menangis. Lihat videonya di link ini: http://www.youtube.com/watch?v=MEfniqNel0g

**Kunjungi warga Buddhis**

Setelah mengunjungi kamp pengungsi Muslim Rohingya, Davutoglu

dan rombongan mendatangi kamp pengungsi warga Buddhis.

Di tempat itu rombongan dari Ankara tersebut juga membagikan paket bantuan.

Davutoglu menyatakan bahwa semua orang memiliki hak yang sama dan ia berharap melihat warga Muslim dan Buddhis hidup berdampingan dengan damai.

Menteri Luar Negeri Turki itu juga menyampaikan salam dari rakyat Turki untuk rakyat Myanmar dan menegaskan bahwa Bulan Sabit Merah Turki akan terus menyalurkan bantuan kepada masyarakat.

Menurut data resmi, Myanmar memiliki populasi 55 juta jiwa, di mana 90 persen beragama Buddha dan 10 persen Muslim.

Sementara itu, lapor Today’s Zaman, Direktorat Manajemen Bencana dan Keadaan Darurat di Kantor Kementerian Perdana Menteri Turki (AFAD) menyatakan bahwa sampai saat ini jumlah bantuan untuk Muslim Myanmar yang berhasil dikumpulkan mencapai TL3,4 juta.

AFAD mengucapkan terima kasih kepada rakyat Turki atas dukungan mereka kepada saudara-saudaranya yang menderita akibat perang sipil, pembantaian etnis dan kemiskinan di wilayah Arakan, Myanmar.*

Rep: Ama Farah

Editor: Dija